



Majalah i

informasi
inovasi
ilmiah
intelektual
internasional
islamik

www.karangkraf.com/majalah i
BIL. 39 / JAN. 2006
PP 11896/3/2006 HARGA RM4.90

“Mimpi Bertemu
Rasulullah Dorong
Saya Menjadi
Pejuang Sunnah”

- Abdullah al-Qari Haji Salleh



Prof. Dr. Muhammad Al Mahdi

Perjuangkan
Konsep Khalifah



HIDAYAH

Islam Tenangkan
Jiwa Maswani
Chung Abdullah

GLOBAL

Muslim Tatarstan
Dirikan Masjid
Terbesar di Eropah

ISU


Jangan Mudah
Percaya Emel
Ramalan Kiamat



Fikir & Zikir

TERAS MUKMIN
PROFESIONAL

PROMOSI -
Menangi Peraduan
HALAGEL Bernilai
RM1500.00



"Allah anugerahkan saya masa yang banyak. Sekarang saya masih boleh bekerja sehingga 14 jam sehari, tujuh hari seminggu demi agama Islam yang tercinta..." – Prof Muhammad.

Prof. Dr Muhammad Mahdi
**Perjuangkan
Konsep Khalifah**

Bagi merealisasikan hasrat untuk membina sebuah generasi yang cemerlang yang beramal dengan prinsip Islam sepenuhnya, beliau telah membina Kaedah Khalifah (Khalifah Method), iaitu satu kaedah pendidikan sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dalam al-Quran.

Oleh ZULINA HASSAN
Foto NATRAH MAT JAN

“Di peringkat ini saya sentiasa dalam kesakitan. Tapi apa yang penting bagi saya, saya masih hidup untuk meneruskan kerja-kerja ini. Walau. Adalah lebih baik saya meninggal dunia ketika sedang bekerja daripada terlantar di atas katil. Saya akan terus bekerja sehingga hari kematian saya,” demikian luah Prof. Muhammad Al Mahdi, ketika ditanya perasaannya yang sedang menghidap barah paru-paru peringkat akhir.


Walaupun tiga orang doktor yang berbeza mengesahkan beliau hanya boleh bertahan untuk hidup selama tiga bulan, kira-kira dua setengah tahun yang lalu, namun usia beliau masih panjang sehingga ke hari ini. Pakar-pakar perubatan menganggap apa yang berlaku sebagai satu keajaiban yang di luar bidang ilmu mereka. Namun yang pasti, Prof Muhammad mempunyai semangat yang cukup kental. Beliau ‘enggan pulang’ selagi tugasnya di muka bumi ini belum selesai.

Pakar psikologi kanak-kanak kelahiran Amerika ini, yang telah menetap di negara ini kira-kira enam tahun yang lalu, berusaha membangunkan Kaedah Khalifah (Khalifah Method) dalam pendidikan anak-anak. Beliau yang memiliki tiga ijazah doktor falsafah dalam bidang psikologi termasuk psikologi kanak-kanak, klinikal dan eksperimen, kini berusaha gigih agar Kaedah Khalifah tersebar luas dan dapat diimplimentasikan oleh pelbagai golongan masyarakat.

Hijrah

Mengimbas detik-detik penghijrahan beliau ke negara ini, sebenarnya beliau mempunyai catatan hidup yang cukup panjang. Ketika zaman kecilnya, anak tunggal athies ini tidak percaya sama sekali kepada kewujudan Tuhan. Tetapi apabila beliau mendalami ilmu dalam bidang elektronik nuklear dan teori fizik, khususnya Teori Einstein, fakta-fakta yang beliau temui memaksa beliau untuk akur bahawa Tuhan sememangnya wujud.

Pembabitan Amerika dalam Perang Vietnam yang menurut beliau adalah satu idea gila, akhirnya mendorong beliau untuk memilih bidang psikologi selepas berkhidmat di Vietnam, untuk



Prof Muhammad turut menulis beberapa buah buku mengenai Khalifah Method.

mencari jalan penyelesaian terbaik kepada masalah sosial masa itu. Selepas 14 tahun menghabiskan masa di universiti, Prof Muhammad kemudian mengembara ke seluruh dunia untuk mencari agama yang benar. Beliau belajar tentang agama Kristian, Hindu dan Buddha, namun beliau dapati banyak kepincangan dalam agama-agama tersebut yang bertentangan dengan fakta saintifik. Sehingga beliau bertemu dengan agama Islam.

“Saya mendapat banyak jawapan yang tidak ada dalam agama-agama lain. Saya dapati dalam agama Islam, setiap perkara itu konsisten. Semakin saya dalam Islam, cinta saya terhadap agama ini semakin bertambah dan yakin ia adalah cara hidup yang sebenarnya,” ujar beliau yang akhirnya menjadi Muslim lebih 27 tahun yang lalu.

Beliau kemudiannya menghabiskan masa selama 25 tahun untuk belajar sebanyak mungkin mengenai Islam. Selain mengkaji terjemahan dan tafsir al-Quran, beliau membaca banyak buku yang menjelaskan tentang agama Islam.

Prof Muhammad kemudian berhijrah ke Indonesia untuk mendekati kehidupan umat Islam yang sebenar. Namun beliau melihat banyak kepincangan dalam penghayatan agama Islam di kalangan penganut Islam itu sendiri. Beliau terus belajar di Indonesia untuk mendalami agama Islam dan

pada masa yang sama beroleh peluang untuk melawat Malaysia dan menjalin hubungan dengan beberapa tokoh yang akhirnya menjadi sahabatnya.

Temui Kaedah Khalifah

Bagi merealisasikan hasratnya untuk membina sebuah generasi yang cemerlang yang beramal dengan prinsip Islam sepenuhnya, beliau telah membina Kaedah Khalifah (Khalifah Method), iaitu satu kaedah pendidikan yang menekankan ciri-ciri seorang khalifah Allah sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dalam al-Quran, “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.” (al-Baqarah: 30)

Prof Muhammad berusaha menggabungkan nilai-nilai Islam dengan aspek psikologi yang dipelajarinya untuk membentuk sebuah masyarakat yang cemerlang dan aman damai, yang mampu membawa kesejahteraan dan keindahan kepada dunia. Beliau memberi penekanan kepada pendidikan kanak-kanak, kerana baginya, mendidik kanak-kanak adalah lebih mudah dalam usaha membangunkan sebuah generasi yang cemerlang, berbanding mendidik golongan dewasa.

“Saya mahu wujudkan dunia yang indah sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah dengan ilmu yang saya ada. Ibu bapa perlu mempunyai kemahiran untuk mendidik anak-anak mereka agar



Bersama sebahagian staf dan pemegang amanah.

memiliki karakter yang Islamik dengan tahap pencapaian akademik yang tinggi, kerana dengan cara itulah umat Islam akan menjadi umat yang maju di dunia," ujar beliau.

Atas nasihat sahabat-sahabatnya, beliau berhijrah ke Malaysia dan sempat bekerja di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selama satu tahun, sebelum menubuhkan Institut Khalifah (Khalifah Institute) dua tahun yang lalu, yang merupakan sebuah badan amanah dengan matlamat ke arah mewujudkan dunia yang aman dan lebih baik melalui Konsep Khalifah.

Melalui laman web islamic-world.net (salah sebuah laman web Islam yang terbesar yang dilawati oleh 2.5 juta pengunjung setiap bulan), beliau menyebarkan usaha ini dan berharap sesiapa saja boleh menggunakan Kaedah Khalifah dalam proses pendidikan kanak-kanak di negara masing-masing.

Buat masa ini, terdapat beberapa sekolah di Lembah Klang yang menggunakan pendekatan Kaedah Khalifah di sekolah masing-masing. Manakala di luar negara, beberapa buah sekolah rendah di Jakarta, Indonesia telah pun bersedia untuk mempraktikkan kaedah ini.

Prof Muhammad amat positif

dengan usaha yang dilakukannya. Beliau merasakan sudah sampai masanya Khalifah Institute menubuhkan sekolah sendiri yang akan menjadi model kepada sekolah-sekolah lain secara praktikal.

Memandangkan tahap kesihatannya yang cukup kritikal, para pemegang amanah, pekerja tetap dan sukarelawan yang berkhidmat di Khalifah Institute bertungkus-lumus untuk bersama-sama merealisasikan impian itu.

Pembinaan sekolah ini juga dianggap usaha terakhir dalam proses memindahkan segala ilmu dan pengalaman Prof Muhammad kepada generasi baru yang akan meneruskan perjuangan beliau.

Dengan izin Allah, Januari 2006 akan membuka satu lembaran baru kepada seluruh rakyat Malaysia apabila Khalifah Model School mula beroperasi di sebuah banglo di Ampang, KL.

Guru-guru, ibu bapa dan mana-mana pihak yang bertanggungjawab terhadap pendidikan di negara ini akan dipelawa melihat sekolah contoh ini, seterusnya menjalani latihan untuk mempraktikkan kaedah ini di tempat masing-masing.

Bahkan, Prof Muhammad berharap kaedah ini dapat diserapkan di fakulti pendidikan mana-mana universiti dalam negara ini sebagai persediaan untuk para guru mengajar di sekolah. □

Kaedah Khalifah (Khalifah Method)

Secara ringkas, Khalifah Method ialah satu pendekatan dalam mendidik anak-anak secara positif, tegas tetapi penuh dengan kasih sayang dan berhikmah menggunakan tanggungjawab mereka sebagai Khalifah Allah di muka bumi ini sebagai faktor motivasi yang kuat untuk mendorong mereka suka melakukan apa yang Allah suruh dan meninggalkan apa yang Allah larang.

Anak-anak yang dididik dengan kaedah ini akan membesar dengan ciri-ciri positif, iaitu amat cinta kepada Islam, cinta kepada perkara-perkara yang baik dan benci kepada kejahatan.

Kanak-kanak ini juga akan menjadi seorang yang bijak, boleh berfikir dan mempunyai pencapaian akademik yang cukup baik. Mereka memahami tanggungjawab sebagai khalifah Allah di dunia ini, iaitu menjadikan diri mereka baik, membantu orang lain menjadi baik dan membuat alam sekeliling mereka cantik dan indah untuk didiami.

Ibu bapa, guru-guru dan kanak-kanak itu sendiri amat digalakkan untuk memberi penghargaan kepada diri mereka sebanyak mungkin bagi setiap perkara positif yang dilakukan, manakala kaedah sebaliknya seperti denda, merotan dan memarahi mereka dikurangkan sebanyak mungkin. □